

25 SEP 1998

SESI PENERANGAN PEMECATAN ANWAR SELESAI AKHIR OKTOBER, KATA YUSOF

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Sesi penerangan kepada anggota Umno di seluruh negara mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti akan selesai sebelum akhir bulan depan, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Mohd Yusof Noor.

"Sesi penerangan itu tidak dijalankan serentak tetapi prinsipnya adalah sama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sesi penerangan ditumpukan kepada keputusan Majlis Tertinggi bagi pemecatan bekas Timbalan Presiden parti itu pada 3 Sept lepas. Sehari sebelum itu Anwar, yang dikaitkan dengan salahlaku moral, dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Yusof berkata keputusan pemecatan itu dibuat secara kolektif pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dan semua anggotanya bertanggungjawab bersama terhadap keputusan itu.

Mengenai apa yang dikatakan gerakan reformasi yang dilaung-laungkan oleh Anwar, Yusof berkata ia hanya sesuai di negara yang bermasalah, tiada pembangunan dan tiada usaha kerajaan ke arah itu.

"Tetapi di Malaysia, reformasi telah ada sejak Merdeka. Kita ada budaya. Kalau nak tukar pemimpin ada caranya. Kita tak boleh ikut cara negara lain," katanya.

-- BERNAMA

SHO NMO